

Malaysia sedia sokong IT Andhra Pradesh

18 OCT 2002

Daripada Mior Kamarul Shahid

HYDRABAD, Khamis – Malaysia akan meningkatkan kerjasama dengan kerajaan negeri Andhra Pradesh terutama dalam bidang teknologi maklumat (IT) yang boleh menggalakan penyertaan pelaburan Malaysia yang lebih besar di India.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata syarikat IT di sini menganggap Malaysia boleh bertindak sebagai operasi sokongan kepada operasi mereka.

"Adalah lebih baik mempunyai dua pusat seperti itu kerana jika berlaku sesuatu kepada salah satu daripadanya, ia tidak akan menimbulkan masalah," katanya.

Berasaskan kepada potensi perniagaan dalam bidang IT di wilayah itu, Dr Mahathir kagum dengan kemajuan institusi dan syarikat yang menjalankan operasi IT di Andhra Pradesh.

Pada masa ini sudah wujud kerjasama antara syarikat IT di Hyderabad dan Malaysia termasuk bagi menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia dan MSC di Hyderabad.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam sidang akhbar sebelum berlepas ke New Delhi dalam rangka lawatan dua hari ke India. Pagi ini, Dr Mahathir melawat Satyam Computer Services Ltd yang terkenal dengan penyedia penyelesaian IT bagi industri telekom, pekilangan, insurans, perbankan dan perkhidmatan kewangan, perubatan, nioinformatik dan sektor runcit.

Satyam beroperasi di 43 negara dan dilangani lebih 500 perbadanan antarabangsa. Di Malaysia, Satyam bercadang meluaskan operasinya.

Mengenai pelaburan ne-

gara, Perdana Menteri juga berkata Malaysia mengkaji kemungkinan membuka kilang kereta nasional di Andhra Pradesh.

Pada masa ini beberapa syarikat Malaysia sudah melabur di Hyderabad terutamanya dalam bidang binaan dan prasarana seperti pelabuhan.

Menjawab soalan wartawan tempatan berhubung isu pengganas Islam berikutan kejadian pengeboban di Bali, Dr Mahathir mengulangi bahawa masalah pengganas tidak diuruskan dengan baik kerana terlalu banyak peneakan diberikan kepada soal keselamatan dan pertahanan, tetapi tidak banyak perhatian kepada soal sebenar punca keganasan.

"Kita tidak boleh menyerang pengganas kerana tidak tahu di mana mereka akan menyerang. Dalam perang konvensional, kita boleh menyerang dan mengalahkan sesebuah negara dan peperangan berakhir.

"Tetapi, bagi pengganas, mereka tidak mewakili mana-mana negara dan tidak tahu di mana mereka berada dan di mana mereka akan melakukan serangan melainkan mengetahui di mana mereka berada dan mengapa mereka melakukan perbuatan itu dan menyelesaikan masalah mereka," katanya.

Beliau mengulangi bahawa keadaan hari ini adalah lebih buruk berbanding 11 September tahun lalu.

Mengenai Iraq, Dr Mahathir berkata sebarang serangan terhadap Iraq tidak akan mendatangkan kebaikan, sebaliknya akan meningkatkan kemarahan orang Islam di seluruh dunia. Ia juga tidak membantu usaha menghapuskan pengganas.